

No. Ruj. : USM.53/26 Jld. III

Tarikh : 14 April 2025

Kepada : Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras
Pusat Pengajian/Pusat/Institut/Jabatan/Unit
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/IPPT

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 23 TAHUN 2025

- ARAHAN STAF BEKERJA DARI RUMAH (WORK FROM HOME-WFH) PADA TARIKH 25 APRIL 2025 (JUMAAT)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, Pihak PBAPP merancang untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air dalam tempoh 24 Jam untuk kira-kira 40% daripada pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air berjadual di Pulau Pinang bermula **25 April 2025 (Jumaat)** dan dijangkakan gangguan bekalan air ini akan pulih sepenuhnya pada 28 April 2025 (Isnin) [berdasarkan jadual kerja pemulihan bekalan air yang dimaklumkan melalui kenyataan rasmi Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bertarikh 7 April 2025]

3. Sehubungan itu, bagi tujuan kemudahan kepada staf Universiti di Kampus Induk (termasuk Sains@USM) dan Kampus Kejuruteraan yang akan mengalami gangguan bekalan air di kediaman masing-masing dan bagi mengurangkan tekanan kepada penggunaan bekalan air simpanan Universiti dalam tempoh gangguan bekalan air ini, maka pihak Universiti telah membuat keputusan agar **staf Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan bekerja dari rumah atau 'Work From Home' (WFH) pada tarikh 25 April 2025 (Jumaat).**


4. Dalam hal ini, dalam melaksanakan arahan ini, perhatian dan kerjasama semua jabatan adalah dipohon agar perkhidmatan kritikal jabatan masing-masing tidak terjejas terutama bagi jabatan/staf barisan hadapan. Ketua jabatan boleh membuat pertimbangan mengenai perkara ini dari segi memastikan kehadiran mana-mana staf yang diperlukan kepada pengoperasian/perkhidmatan kritikal masing-masing di samping memastikan bekalan air yang mencukupi semasa dalam tempoh pengoperasian berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor